

**Raja Dr Nazrin, Tuanku Zara Ziarah Keluarga Allahyarham Kpl Raja Aizam  
Bernama  
18 Mac, 2014**

KLANG, 18 Mac (Bernama) -- Pemangku Raja Perak, Raja Dr Nazrin Shah dan Raja Puan Besar Perak, Tuanku Zara Salim, Selasa menziarahi keluarga Allahyarham Koperal Raja Aizam Raja Mohd yang maut selepas diserang hendap sekumpulan warga asing di sini 4 Mac lepas.

Baginda berdua tiba di kediaman keluarga itu di Pangsapuri Polis Taman Seri Andalas kira-kira 3.50 petang dan meluangkan masa hampir setengah jam bertanya khabar dan berbual dengan balu serta empat anak anggota polis tersebut.

Raja Dr Nazrin juga menyampaikan sumbangan kepada keluarga anggota polis berkenaan yang diterima balu Allahyarham, Nor Salmah Nordin.

Mengiringi baginda berdua ialah Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, Ketua Polis Perak Datuk Acryl Sani Abdullah Sani dan Ketua Polis Selangor Datuk Mohd Shukri Dahlan.

Mohd Shukri berkata keberangkatan Raja Dr Nazrin dan Tuanku Zara menziarahi keluarga itu diharap dapat memberi suntikan semangat kepada seluruh warga polis lain untuk terus mencurahkan khidmat bakti dengan lebih baik kepada masyarakat.

"Bagi pihak Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar dan seluruh warga polis kontinjen Selangor, saya menjunjung kasih di atas keberangkatan baginda berdua menziarahi keluarga anggota kami.

"Keberangkatan baginda mencemar duli menunjukkan baginda seorang raja yang prihatin terhadap kebajikan warga polis dan ia cukup untuk meredakan kesedihan yang dialami keluarga tersebut," kata Mohd Shukri kepada pemberita.

Sementara itu, anak sulung Allahyarham, Raja Muhd Rafiq, 24, menyifatkan keberangkatan pemangku Sultan Perak itu memberi semangat baharu kepada keluarganya.

"Saya berterima kasih kepada Raja Dr Nazrin dan Tuanku Zara kerana sudi menziarahi keluarga kami. Sebagai anak sulung, Raja Dr Nazrin berpesan supaya saya dapat menjaga ibu dan keluarga dengan baik," katanya yang juga graduan Universiti Multimedia.

Dalam insiden pada pukul 5 pagi 4 Mac lalu, Raja Aizam, 55, maut akibat kecederaan di kepala selepas dia dan rakan setugasnya, Koperal Mohd Aidil Mustafa, 29, diserang hendap sekumpulan warga asing di Taman Sentosa di Klang.

Kedua-dua anggota polis yang sedang melakukan rondaan di kawasan perumahan itu terpaksa bergelut dengan kumpulan tersebut sehingga meragut nyawa Raja Aizam manakala Mohd Aidil pula mengalami kecederaan di muka.

Allahyarham Raja Aizam disemadikan di kampung halamannya di Tanah Perkuburan Islam, Kampung Sayong Lembah, Kuala Kangsar, Perak.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1022951>